



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 6 TAHUN 1994

Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

PINDAAN KEPADA PERENGGAN 6.1 SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 1993

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat Pekeliling Perbendaharaan ini ialah untuk memendekkan keperluan tempoh 14 hari bagi seseorang pegawai untuk mengemukakan permohonan Pendahuluan Diri bagi membayar sewa hotel dan elaun makan semasa menghadiri kursus, bertukar dan juga semasa menjalankan tugas rasmi iaitu sebagaimana ditetapkan di perenggan 6.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.

2. LATARBELAKANG

2.1 Perenggan 6.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993 telah menetapkan permohonan Pendahuluan Diri hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum seseorang pegawai itu bertolak.

2.2 Perbendaharaan telah mendapati keperluan 14 hari itu kadangkala tidak berapa sesuai terutamanya dalam keadaan-keadaan segera dan masa tidak mengizinkan sedemikian dan dengan itu memutuskan tempoh tersebut dikurangkan kepada 7 hari.

3. PINDAAN

3.1 Surat Pekeliling ini meminda perenggan 6.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993 dan digantikan seperti berikut:

"6.1 Permohonan Pendahuluan Diri hendaklah dibuat dengan menggunakan borang KEW 325 dalam 4 salinan dan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum seseorang pegawai itu bertolak".

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dengan serta-merta.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATO' MOHD. SHERIFF BIN MOHD. KASSIM
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan

30 Mei 1994